



KONTROVERSI MB JOHOR

Sultan berperanan lantik MB

KUALA LUMPUR - Sultan atau Raja bagi sesebuah negeri mempunyai peranan untuk memperkenan atau menolak seseorang individu dilantik sebagai menteri besar berdasarkan peruntukan undang-undang tubuh negeri.

Penganalisis politik, Prof Dr Nik Ahmad Kamal Nik Mahmood berkata, tidak menjadi isu atau masalah jika berlaku pertukaran menteri besar dalam keadaan tertentu dan bukanlah

perkara yang ganjil.

"Peruntukan undang-undang tubuh negeri jelas memberi budi bicara kepada Sultan atau Raja untuk melantik menteri besar di mana pada pandangan baginda perlu mendapat sokongan majoriti ahli Dewan Undangan Negeri (DUN).

"Tetapi secara amalan menteri besar yang dilantik bukan sahaja perlu dapat sokongan majoriti tetapi yang boleh bekerja dengan baik," katanya.

Osman hanya hantar wakil

JOHOR BAHRU - Menteri Besar Johor, Datuk Osman Sapian tidak hadir ke sesi Pemukiman Pemimpin Malaysia-Singapura Ke-9 di Putrajaya, semalam.

Perkara itu disahkan oleh Setiausaha Akhbarnya, Abdul Hakim Ab Rahman.

Menurutnya, Osman telah mewakilkan Exco Kerajaan Negeri, Dr Sahrudin Jamal ke sesi berkenaan.

"Saya mengesahkan beliau tidak hadir dan beliau telah mewakilkan Dr Sahrudin untuk hadir dalam sesi tersebut," katanya kepada *Sinar Harian*.

Pemukiman Pemimpin Malaysia-Singapura Ke-9 berlangsung semalam.

TMJ harap MB baharu bukan 'yes man' Putrajaya

JOHOR BAHRU - Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim menzahirkan harapan agar Menteri Besar Johor yang baharu bukan seorang *'yes man'* kepada Kerajaan Pusat.

Menurutnya, pemilihan dan pelantikan Menteri Besar baharu nanti mestilah individu yang mengutamakan kesejahteraan rakyat serta kemakmuran Johor.

"Saya harap Menteri Besar yang baharu bukanlah *'yes man'* Putrajaya sahaja. Kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negeri Johor mesti diutamakan," katanya dalam Twitter rasminya, HRH Crown Prince of Johor semalam.

Selain itu, dalam tweet terdahulu, Tunku Ismail turut menyatakan titah Sultan Johor untuk tukar Menteri Besar bukan lagi perkara baharu.

Namun, katanya, terdapat pihak lain mendakwa mereka



TUNKU ISMAIL

yang mengarahkannya untuk berbuat demikian.

"Titah untuk tukar Menteri Besar sudah lama, tapi orang lain pula hendak mengambil kredit kononnya dia arahkan.

"Ke bawah Duli Tuanku sudah meneliti untuk tukar Menteri Besar sejak berbulan lalu.

"Jangan lupa, kuasa memilih Menteri Besar adalah hak mutlak Sultan. Cukup cukuplah *politicking*," katanya.

PROFIL MB JOHOR KE-16

Datuk Osman Sapian

Tarikh lahir: 24 Disember 1951
Status: Berkahwin
Isteri: Datin Nora Mohd Som



KERJAYA DAN PERNIAGAAN

- Pengurus Semangat Finance Berhad
- Timbalan Pengurus DNC Bank Berhad
- Timbalan Pengurus Besar Tan Chong Holding Berhad
- Pengurus Public Accounts Committee (PAC) Negeri Johor (10 tahun)
- Ahli Jawatankuasa Dadah Negeri Johor (10 tahun)
- Pengurus Jawatankuasa Mukim Mukim Parlimen Pulai
- Penasihat Persatuan Pesara JMF Negeri Johor (8 tahun)
- Ahli Lembaga Biasiswa Yayasan Johor
- Ketua Whip Ahli Majlis Bandaraya Johor Bahru

PENGALAMAN POLITIK

- **Menyertai UMNO (1988)**
 - UMNO Cawangan Tasek
 - Naib Ketua UMNO Bahagian Pulai
 - Timbalan Ketua UMNO Bahagian Pulai
 - AJK UMNO Bahagian Pulai
- **Wakil Rakyat DUN Kempas 3 penggal (1999 hingga 2013)**
- **Menyertai Bersatu pada 2016**
 - Setiausaha Bersatu Johor & PH Johor
 - Pengurus Bersatu Johor & PH Johor
- **Wakil Rakyat DUN Kempas (pasca PRU14 hingga kini)**

ISU KONTROVERSI MEMBABITKAN OSMAN

SIJIL PALSU

- Beliau mengakui pernah mengikuti pengajian di Kolej Pertanian Malaya, sebelum ia dinaik taraf kepada Universiti Pertanian Malaysia (UPM) namun tidak menamatkan pengajian ketika menuntut di kolej berkenaan.
- Beliau kemudian memohon maaf kepada seluruh rakyat Malaysia terhadap kekeliruan dan salah faham berhubung kelayakan akademiknya.

PENCEMARAN SUNGAI KIM-KIM

- Beliau mendapat kecaman pelbagai pihak kerana melakukan lawatan ke Pulau Batam, Indonesia semasa isu pencemaran sisa kimia di Sungai Kim Kim, bulan lalu.
- Namun beliau menjelaskan, pemergiannya ke Pulau Batam atas urusan kerja yang telah dirancang sebelum ini dan sebagai persediaan bagi Tahun Melawat Johor 2020.

CEROBOH PERAIRAN SINGAPURA

- Pada 9 Januari lalu, beliau bersama rombongannya didakwa menceroboh perairan Singapura apabila melawat aset Jabatan Laut, MV Pedoman.
- Akibat kesililan dan kedegilannya, ia menyebabkan mesyuarat ke-14 Jawatankuasa Bersama Menteri untuk Iskandar Malaysia (JMCIM) yang dijadualkan pada 14 Januari ditangguhkan serta-merta.



Dr Mahathir (kiri) pada sidang media selepas menghadiri Persidangan Dewan Rakyat di Parlimen semalam.

Sahrudin dikatakan bakal menggantikan Osman.

Dr Mahathir bergurau gelar diri 'Duli Yang Maha Mulia'

KUALA LUMPUR - Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad sempat berjenaka dengan menamakan dirinya 'Duli Yang Maha Mulia' pada sidang akhbar peletakan jawatan Menteri Besar Johor, Datuk Osman Sapian.

"Osman menghadap Duli Yang Maha Mulia Mahathir Mohamad bersama satu surat letak jawatan kepada saya, satu lagi kepada Sultan Johor tetapi saya berhak untuk membacanya," katanya pada sidang media di Parlimen semalam dan ia kemudian disambut gelak ketawa oleh pengamal media.

tidak mempunyai Menteri Besar.

"Mungkin kita akan lantik pemangku. Tungguh Sultan

Johor kembali dari luar negara. Mengenai siapa pengganti perlu ikut perjanjian PH iaitu Menteri Besar Johor mesti daripada

parti Bersatu," katanya.

Kelmarin, Osman mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya. Pertemuan itu difahamkan berlangsung kira-kira 30 minit.

Sebelum ini, tersebar berita mengenai rombakan yang akan berlaku dalam Kerajaan Johor dan terdapat desas-desus menyebut kedudukan Osman sebagai Menteri Besar turut terancam.

Desas-desus turut menamakan ADUN Bukit Kepong, Dr. Sahrudin Jamal yang kini menyandang jawatan Exco Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian negeri bakal menggantikan Osman.

JANATUL FIRDAUS YAACOB

KUALA LUMPUR

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad mengesahkan Menteri Besar Johor, Datuk Osman Sapian telah meletakkan jawatan berkuat kuasa kelmarin.

Beliau berkata, Osman telah menyerahkan surat rasmi peletakan jawatan kepadanya kelmarin dan sepucuk surat lagi kepada Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar.

"Menteri Besar Johor telah letak jawatan semalam (kelmarin) dengan surat kepada saya dan saya akan hantar surat kepada Sultan Johor kerana baginda berada di luar negara ketika ini," katanya pada sidang media di lobi Parlimen semalam.

Pengerusi PH itu berkata, buat sementara waktu Johor